

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN P. PRABAKARAN [BATU]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status cadangan membina kawasan merokok di setiap kawasan awam termasuk kawasan perumahan awam. Jika sudah dilaksanakan, berapa kawasan yang telah menerima pelaksanaan tersebut dan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanja daripada peruntukan RM1 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyokong sepenuhnya inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung larangan merokok di tempat makan yang berkuat kuasa bermula 1 Januari 2020. Pada prinsipnya, penyediaan kawasan khas merokok oleh KPKT bukan bertujuan menggalakkan orang merokok, tetapi bagi memastikan perokok merokok di suatu kawasan yang diasingkan daripada orang awam.

2. Sehingga kini, KPKT telah menyalurkan peruntukan kepada Majlis Perbandaran Ampang (MPAJ) bagi membina sebuah kawasan merokok di Santai@Ampang Point dengan kos sebanyak RM20,000. Kawasan merokok ini berada dalam lingkungan jarak 3 meter dari tempat makan awam. Permohonan dari kawasan lain akan dipertimbangkan setelah menerima permohonan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekian, terima kasih.